

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]**
TARIKH : **19.6.2014**
SOALAN :

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan penerima dan jumlah pinjaman PTPTN mengikut kaum sejak dana ini diwujudkan. Adakah Kementerian bercadang untuk merombak semula kaedah pinjaman dan bayaran balik hutang supaya tidak membebankan graduan baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2014, seramai 2,396,939 peminjam telah diluluskan pinjaman pendidikan PTPTN yang melibatkan peruntukan berjumlah RM54.72 bilion sehingga tamat pengajian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk merombak semula kaedah dan bayaran balik pinjaman kerana kaedah sedia ada amat relevan dan tidak membebankan peminjam. Namun usaha untuk meringankan bebanan pelajar sentiasa diberikan perhatian, antaranya ialah:

- a) Kos pentadbiran pinjaman pendidikan PTPTN telah diturunkan daripada 4 peratus kepada 3 peratus mulai 2004 dan selanjutnya kepada 1 peratus pada Jun 2008. Kos dana yang perlu ditanggung oleh Kerajaan adalah lebih besar iaitu antara 4 peratus hingga 5 peratus setahun; dan

- b) Usaha untuk memastikan kaedah pengurusan pembiayaan pendidikan mematuhi Syariah Islam telah dibuat sejak tahun 2000. Pada 28 Julai 2008, Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan telah meluluskan pembiayaan pendidikan PTPTN berasaskan konsep “ujrah” iaitu upah.

Sehubungan dengan itu, semasa pembentangan Bajet 2013 pada 28 September 2012 yang lalu, YAB. Perdana Menteri telah memperkenalkan beberapa insentif kepada peminjam PTPTN di bawah inisiatif mengurangkan kos pembelajaran pelajar seperti berikut:

Pertama: Bagi peminjam yang menyelesaikan hutang sekali gus dalam tempoh setahun bermula 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013, diskaun 20 peratus akan diberikan ke atas apa-apa baki hutang yang belum diselesaikan oleh peminjam sebelum 1 Oktober 2012; dan

Kedua: Bagi mereka yang membayar pinjaman secara konsisten selama 12 bulan berturut-turut mengikut jadual mulai 1 Oktober 2012, diskaun 10 peratus setahun akan diberikan, di mana diskaun akan diberikan selepas bulan kedua belas melalui pelarasan atas baki hutang pada masa tersebut.